

ANALISIS KEBERKESANAN PROGRAM BAHAGIAN KHIDMAT  
NASIHAT KELUARGA (BKNK) DALAM MEMPERKUKUH INSTITUSI  
KEKELUARGAAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(ANALYSIS OF THE EFFECTIVENESS OF THE BAHAGIAN KHIDMAT  
NASIHAT KELUARGA (BKNK) IN STRENGTHENING FAMILY  
INSTITUTIONS IN BRUNEI DARUSSALAM)

<sup>1</sup>Siti Nazihah binti Haji A. Hanni / Zalanni\*

<sup>2</sup>Azme bin Haji Matali

<sup>1</sup> Pelajar Pascasiswazah, Pusat Penyelidikan Mazhab Syafii, Universiti Islam Sultan  
Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam

<sup>2</sup> Penolong Professor Kanan, Dekan Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif  
Ali (UNISSA), Brunei Darussalam

Corresponding author: nazihahhanni@gmail.com\*

ABSTRAK

*Kajian ini menilai keberkesanan program intervensi yang dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) di Negara Brunei Darussalam dalam usaha memperkukuh institusi kekeluargaan berasaskan prinsip Islam. Secara khusus, kajian bertujuan untuk menilai keberkesanan kandungan program, pelaksanaan program, kompetensi fasilitator, dan impak program terhadap peserta. Pendekatan kuantitatif deskriptif telah digunakan melalui pengedaran soal selidik kepada seramai 270 responden bagi meneliti empat dimensi utama, iaitu kandungan program, pelaksanaan, tenaga fasilitator, serta impak program. Analisis data menunjukkan bahawa kesemua dimensi tersebut dinilai pada tahap yang tinggi dengan purata skor min berkisar antara 4.29 hingga 4.43, disokong oleh tahap kebolehpercayaan instrumen yang tinggi ( $\alpha > 0.88$ ). Dapatan ini mencerminkan keberkesanan program BKNK dalam meningkatkan pengetahuan, kefahaman, sikap positif, termasuk kesediaan peserta untuk mengamalkan komunikasi dan tanggungjawab kekeluargaan berteraskan nilai-nilai Islam. Namun demikian, kajian turut mengenal pasti beberapa aspek kelemahan, terutamanya berkaitan pengurusan masa, kesesuaian fasilitator, serta kesinambungan sokongan dan motivasi peserta selepas program tamat. Oleh itu, penekanan terhadap penambahbaikan berterusan melalui inovasi modul, penyediaan persekitaran yang lebih kondusif, serta pelaksanaan mekanisme susulan yang sistematik adalah amat penting bagi memastikan intervensi BKNK terus menyokong pembentukan keluarga Sakinah, Mawaddah, wa Rahmah di Negara Brunei Darussalam.*

*Kata Kunci: Keberkesanan Program; Intervensi Keluarga; Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK); Keluarga Sakinah Mawaddah wa Rahmah; Institusi Kekeluargaan*

ABSTRACT

*This study evaluates the effectiveness of the intervention program implemented by the Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) in Negara Brunei Darussalam in efforts to strengthen the family institution based on Islamic principles. Specifically, the study aims to assess the effectiveness of the program's content, implementation, facilitator competency, and impact on participants. A quantitative descriptive approach was employed through the distribution of questionnaires to 270 respondents to examine four main dimensions, namely program content, implementation, facilitator competency, and program impact. Data analysis indicates that all dimensions were rated highly, with mean scores ranging from 4.29 to 4.43, supported by a high reliability level of the instrument ( $\alpha > 0.88$ ). The findings reflect the effectiveness of the BKNK program in enhancing participants' knowledge,*

*understanding, positive attitudes, and readiness to practice communication and family responsibilities grounded in Islamic values. However, the study also identified several weaknesses, particularly relating to time management, facility suitability, and continuity of support and motivation for participants after the program's completion. Therefore, continuous improvement through module innovation, provision of a more conducive environment, and the implementation of systematic follow-up mechanisms are crucial to ensure that BKNK interventions continue to support the establishment of Sakinah, Mawaddah, wa Rahmah families in Negara Brunei Darussalam.*

*Keywords: Program Effectiveness; Family Intervention; Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK); Sakinah Mawaddah wa Rahmah Family; Family Institution*

## PENGENALAN

Institusi keluarga merupakan medan utama pembentukan akidah, akhlak dan kemahiran insaniah individu, yang menjadi asas kepada kesejahteraan masyarakat Islam (Khosim, 2023). Kesihatan masyarakat dalam perspektif Islam secara langsung dipengaruhi oleh ketahanan institusi keluarga itu sendiri (Hashim & Salleh, 2022; Lebow & Snyder, 2022). Dalam era digital yang penuh dengan kompleksiti, pasangan suami isteri berhadapan dengan pelbagai masalah seperti tekanan ekonomi, psikososial, dan budaya yang boleh menjejaskan kesejahteraan hubungan suami isteri (Dehghanidowlatabadi, et al., 2025; Lebow & Snyder, 2022). Oleh yang demikian, pelaksanaan inisiatif pendidikan dan intervensi berasaskan bukti dianggap sebagai suatu keperluan yang mendesak kerana intervensi pendidikan hubungan terbukti membantu mencegah konflik dan meningkatkan kestabilan perkahwinan. Selain itu, intervensi terapi keluarga juga didapati berkesan dalam meningkatkan komunikasi, hubungan emosi dan kefungsi keluarga (Todd et al., 2025). Negara Brunei Darussalam melalui Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) telah membangunkan ekosistem intervensi yang inklusif merangkumi Kursus Pra Nikah, Kursus Pasca Perkahwinan, taklimat “Keluargaku Harapanku”, serta Khidmat Nasihat Keluarga bagi menyokong pembinaan keluarga yang sakinah, mawaddah dan rahmah (Kementerian Hal Ehwal Ugama, 2023). Penilaian secara empirikal terhadap keberkesanan program-program tersebut

penting bagi menyediakan asas kukuh dalam perancangan dasar serta penambahbaikan berterusan.

Secara umum, penilaian sesebuah program keluarga menumpukan pada dimensi pencapaian objektif, kesesuaian kandungan modul, keberkesanan fasilitator, kecukupan kemudahan, serta impak terhadap hasil perantara antaranya seperti peningkatan pengetahuan, sikap, dan niat tingkah laku peserta (Yusof & Hamid, 2022). Walaupun ukuran hasil jangka panjang, contohnya kadar perceraian adalah lebih ideal untuk mengukur impak muktamad, data hasil perantara sering menjadi petunjuk berguna dalam menilai keberkesanan awal sesuatu intervensi.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam yang berteraskan nilai Islam, integrasi kerangka *Maqāsid al-Shari'ah* termasuk pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta telah menjadi prinsip pandu dalam reka bentuk modul pendidikan keluarga Islam kontemporari bagi memperkukuh keharmonian serta kesejahteraan institusi keluarga (Muttaqin et al., 2026). Prinsip ini diterjemahkan ke dalam nilai amanah, adab berdialog, ihsan dalam konflik dan tanggungjawab dari aspek nafkah, yang boleh diukur melalui hasil pembelajaran seperti kemahiran komunikasi empatik, perancangan kewangan beretika, dan penyelesaian konflik tanpa keganasan (Sidik et al., 2020). Kajian ini menyumbang kepada penyediaan bukti tempatan mengenai keberkesanan program BKNK daripada perspektif peserta program. Kajian ini juga bertujuan memberi gambaran

komprehensif terhadap usaha Brunei Darussalam dalam memperkukuh institusi keluarga demi kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh dari sudut pandang Islamik dan kontemporari.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) di Daerah Brunei dan Muara mula ditubuhkan pada pada akhir tahun 1970an sebagai Unit Khidmat Nasihat Keluarga. Beberapa tahun selepas itu, cawangan serupa dibuka secara berperingkat di daerah-daerah lain. Pada tahun 1991, unit ini dinaikkan taraf menjadi salah sebuah Bahagian di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) dan diketuai oleh seorang Pegawai Ugama Kanan. Pada akhir tahun 1999, ia diberi nama rasmi Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (KHEU, 2023).

Matlamat utama BKNK adalah membentuk keluarga yang harmoni (السكينة) berasaskan kasih sayang (المودة) dan belas kasihan (الرحمة), serta merukunkan krisis rumah tangga untuk menuju keharmonian hidup berkeluarga ‘Baiti-Jannati’ berlandaskan Syari’at Islam. Objektif utamanya adalah mengurangkan kadar perceraian dan menyediakan sokongan serta bantuan kepada pasangan yang menghadapi krisis rumah tangga. Faktor risiko seperti tingkah laku tidak sihat dan tekanan sosial boleh menyumbang kepada ketidakstabilan perkahwinan serta peningkatan konflik rumah tangga (Kulak et al., 2025). Oleh itu, beberapa intervensi dan program yang dijalankan oleh Bahagian ini termasuk Kursus Pra Nikah yang menyediakan ilmu berkaitan perkahwinan, kursus ini mengandungi empat siri panduan ilmu tentang perihal perkahwinan, siri pertama memfokuskan tentang ‘pensyariatan nikah’, siri kedua memfokuskan mengenai ‘hak dan tanggungjawab suami isteri dalam keluarga’, siri ketiga mengenai krisis rumah tangga dan bab talak serta tip-tip kebahagiaan membina keluarga Islam yang

bahagia dan siri terakhir yang keempat mengenai ‘rahsia kebahagiaan rumah tangga’. Pengisian kursus tersebut turut menyentuh mengenai pengurusan kewangan dan penjagaan kesihatan, disampaikan dari beberapa agensi kerajaan seperti Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Kementerian Kesihatan (KHEU, 2023). Pendekatan pendidikan pra perkahwinan turut diamalkan secara meluas di beberapa negara Islam dan Asia Tenggara sebagai mekanisme persediaan pasangan menghadapi alam rumah tangga (Kamarusdiana et al., 2022). Intervensi terapi keluarga terbukti berkesan dalam menangani konflik emosi, meningkatkan komunikasi serta memperkukuh hubungan dalam kalangan ahli keluarga (Todd et al., 2025).

Selain itu, Kursus Pasca Perkahwinan merupakan kursus berkesinambungan daripada Kursus Pra Nikah yang dikhususkan bagi pasangan yang sudah berkahwin. Kursus ini menekankan mengenai ilmu berkaitan dengan perkahwinan, pengalaman, tips dalam pelbagai sudut mencakupi penghayatan keagamaan dalam berkeluarga, kesihatan, undang-undang keluarga yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam dan juga aspek kewangan. Selain itu juga, ianya dapat memberi kesedaran dan motivasi tentang tanggungjawab dan peranan ibu bapa yang sebenar bagi mewujudkan sebuah keluarga yang Bahagia. Adapun tujuan Kursus Pasca Perkahwinan diadakan adalah bagi mendokong titah Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah sempena Awal Tahun Masihi 2002 “... *Institusi Kekeluargaan Islam adalah lebih tepat untuk menjadi asas pembinaan masyarakat...*”

Perkhidmatan Khidmat Nasihat Keluarga mengendalikan sesi nasihat untuk mengendalikan pasangan yang menghadapi masalah rumah tangga dan permohonan perceraian dilaksanakan dengan prosedur yang sistematik dan berstruktur. Proses

penyelesaian bermula dengan pemerhatian dan pendengaran terhadap isu yang dihadapi oleh pasangan, sama ada secara sesi bersama atau secara berasingan, untuk memastikan pemahaman yang mendalam mengenai masalah yang wujud. Seterusnya, penjelasan dan bimbingan diberikan untuk membantu pasangan menyedari dan mencari jalan penyelesaian terbaik bagi mengukuhkan hubungan dan mengatasi krisis. Keputusan yang dicapai melalui sesi nasihat ini akan diperiksa dan disemak dengan teliti untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan penyelesaiannya, serta didokumentasikan melalui laporan perjumpaan yang lengkap dan jelas.

Pelbagai seminar, kursus, bengkel dan taklimat seperti program 'Keluargaku Harapanku' juga turut dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan institusi keluarga, peranan suami isteri, dan keharmonian keluarga dalam masyarakat. Program ini menyasarkan pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar, pasangan suami isteri, pegawai kerajaan, dan orang awam secara umum. Objektif program dijalankan adalah untuk mengukuhkan pemahaman di kalangan peserta tentang kepentingan institusi keluarga serta menghargai peranan keluarga di dalam kehidupan peribadi dan kemasyarakatan (BKNK, 2023). Secara keseluruhan, BKNK berfungsi sebagai badan penasihat dan pembimbing untuk membina institusi keluarga yang kukuh, harmoni dan selaras dengan ajaran Islam demi kesejahteraan masyarakat Brunei.

#### PENYATAAN MASALAH

Walaupun Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) telah melaksanakan pelbagai program intervensi, kajian komprehensif yang menilai keberkesanan program-program ini secara saintifik masih kurang dijalankan. Kekurangan kajian empirikal ini menimbulkan jurang pengetahuan yang menyukarkan usaha

penambahbaikan berasaskan data serta mengurangkan efektiviti dasar sosial dalam jangka masa yang panjang. Tanpa pemantauan sistematik dan penilaian impak yang terperinci, keberkesanan sebenar intervensi yang dilaksanakan sukar untuk diukur, sekaligus menyukarkan perancangan strategik dan penambahbaikan program pada masa hadapan. Penyelidikan terdahulu juga menunjukkan bahawa ketiadaan mekanisme penilaian yang berterusan menjejaskan kemampuan untuk memahami kesan sebenar program terhadap peserta dan institusi keluarga mereka.

Selain itu, masalah rumah tangga dan kadar perceraian kekal menjadi cabaran utama yang dihadapi oleh BKNK, kajian antarabangsa menunjukkan bahawa banyak masalah yang membawa kepada perceraian telah wujud sejak awal perkahwinan dan menjadi semakin serius dari masa ke masa (Williamson et al., 2021). Statistik rasmi yang diperolehi daripada statistik Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, Statistik Mahkamah Syariah, dan Unit Perancangan Ekonomi serta Jabatan Perangkaan Negara Brunei Darussalam menunjukkan bahawa sebanyak 4,047 kes perceraian telah direkodkan di seluruh negara sepanjang tempoh antara tahun 2019 hingga 2024. Secara khusus, Daerah Brunei dan Muara mencatatkan angka tertinggi dengan sebanyak 2,452 kes, mewakili lebih 70% daripada jumlah keseluruhan negara, diikuti oleh Daerah Belait seramai 542 kes, Daerah Tutong dengan 465 kes, dan daerah Temburong sebanyak 78 kes. Statistik ini mencerminkan keperluan mendesak untuk memperkukuh usaha intervensi dan pemantauan berterusan bagi menangani isu-isu keluarga yang semakin kompleks di Brunei Darussalam. Berikut merupakan statistik perceraian penduduk Islam mengikut daerah dari tahun 2020 hingga 2024:

JADUAL 1. Statistik Perceraian Penduduk Islam Mengikut Daerah (2020-2024)

TAHUN/DAERAH	2019	2020	2021	2022	2023	2024	JUMLAH
Brunei dan Muara	459	380	276	390	481	466	2,452
Belait	82	105	57	103	108	87	542
Tutong	73	90	56	66	105	75	465
Temburong	8	7	7	16	21	19	78
Luar Negeri	2	1	1	2	2	2	10
Jumlah	624	583	397	577	717	649	

Sumber: Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, Statistik Mahkamah Syariah, dan Unit Perancangan Ekonomi serta Jabatan Perangkaan Negara Brunei Darussalam

Statistik perceraian di Brunei Darussalam bagi tempoh 2019 hingga 2024 menunjukkan peningkatan yang membimbangkan di hampir semua daerah. Daerah Brunei dan Muara mencatatkan jumlah perceraian tertinggi iaitu sebanyak 2,452 kes, mewakili lebih 70% daripada keseluruhan kes perceraian di negara ini. Fenomena ini menunjukkan ketidaktentuan apabila terdapat penurunan ketara pada tahun 2021 dengan hanya 276 kes, yang dipercayai dipengaruhi oleh sekatan pergerakan semasa pandemik COVID-19, sebelum meningkat semula kepada 481 kes pada tahun 2023. Daerah Belait mencatatkan 542 kes dengan jumlah turun naik yang jelas, khususnya penurunan kepada 57 kes pada tahun 2021 dan peningkatan mendadak pada tahun 2023 sebanyak 108 kes. Begitu juga dengan daerah Tutong yang merekodkan 465 kes, di mana jumlah perceraian meningkat hampir dua kali ganda daripada 56 kes pada tahun 2021 kepada 105 kes pada tahun 2023. Daerah Temburong pula meskipun mencatatkan angka terendah iaitu sebanyak 78 kes, menunjukkan peningkatan beransur-ansur daripada hanya 7–8 kes setahun pada 2019 hingga 2021 kepada 19 kes pada tahun 2024.

Secara keseluruhan, jumlah kes perceraian di seluruh negara dalam sepanjang tempoh enam tahun adalah sebanyak 4,047 kes. Tahun 2021 mencatatkan jumlah paling rendah iaitu 397 kes akibat sekatan yang dikenakan semasa

waktu pandemik. Walaupun demikian, trend perceraian menunjukkan peningkatan nyata selepas pandemik, dengan jumlah tertinggi sebanyak 717 kes dicatat pada tahun 2023. Fenomena ini menandakan bahawa isu perceraian bukan sahaja berakar umbi di kawasan bandar seperti Brunei dan Muara, malah semakin ketara di daerah lain seperti daerah Belait dan Tutong, serta peningkatan konsisten di daerah Temburong walaupun jumlah penduduk adalah pada skala yang lebih kecil. Oleh itu, masalah perceraian perlu diberikan perhatian serius kerana ia memberi impak ke atas struktur institusi kekeluargaan, kestabilan sosial, serta pembangunan masyarakat negara Brunei Darussalam secara menyeluruh (Hanni & Matali, 2023).

Menurut laporan rasmi Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (DEPS, 2024), serta data daripada Laporan Tahunan Mahkamah Syariah, kadar perceraian di Brunei Darussalam menunjukkan tren peningkatan yang berterusan, khususnya dalam kalangan pasangan muda yang telah berkahwin kurang daripada lima tahun (DEPS, 2023). Kajian Haji Ismadi et al., (2019) menegaskan bahawa faktor utama perceraian dalam kalangan masyarakat Brunei adalah disebabkan faktor ketidaksefahaman dan berpunca daripada beberapa faktor iaitu permasalahan kufu, terutama melibatkan pasangan yang memiliki jurang usia yang agak jauh, perkahwinan dalam usia yang muda, serta

perbezaan dari sudut agama, budaya dan warganegara. Dalam konteks negara yang majoriti penduduknya beragama Islam seperti Brunei, pengintegrasian nilai agama dalam pendidikan hubungan antara pasangan adalah sangat kritikal kerana ia membantu membina kemahiran praktikal yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Pendekatan pendidikan pra perkahwinan berasaskan nilai Islam yang menekankan kepentingan nilai agama dalam membentuk asas moral dilihat sebagai komponen penting untuk membimbing bakal pengantin agar memahami prinsip serta tanggungjawab perkahwinan daripada perspektif Islam (Charoenwong, 2025).

Oleh itu, terdapat keperluan untuk melakukan kajian empirikal yang menyeluruh bagi menilai keberkesanan program-program yang dijalankan oleh Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) di Brunei. Kajian sedemikian penting untuk menampung jurang pengetahuan yang sedia ada, memberi bukti sahih tentang keberkesanan intervensi yang berasaskan agama dan budaya, serta menyokong pembangunan dasar keluarga negara yang lebih lestari dan berkesan sesuai dengan aspirasi masyarakat setempat. Hal ini sejajar dengan pelaksanaan Kursus Pra-Nikah yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei melalui BKNK, yang secara khusus menekankan pendidikan berteraskan nilai Islam dalam mempersiapkan bakal pengantin untuk menghadapi kehidupan berkeluarga (Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei, 2025). Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif berikut: menilai keberkesanan kandungan program yang dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK), menilai aspek pelaksanaan program BKNK, menilai tahap kompetensi fasilitator program serta menilai kesan program terhadap peserta selepas menghadiri program, seterusnya daripada

hasil kajian akan dapat mengenal pasti ruang penambahbaikan program BKNK agar intervensi sokongan keluarga Islam yang dilaksanakan dapat diperkukuh secara berterusan.

## METODOLOGI KAJIAN

### REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kuantitatif dengan edaran borang soal selidik berstruktur kepada peserta program anjuran Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK). Pendekatan tinjauan kuantitatif dipilih bagi menilai tahap keberkesanan program secara empirikal melalui respons peserta terhadap beberapa dimensi utama pelaksanaan program keluarga Islam di Brunei Darussalam.

### RESPONDEN DAN PENSAMPELAN

Seramai 270 orang peserta program telah terlibat sebagai responden kajian ini. Responden terdiri daripada individu yang menghadiri program bimbingan, kaunseling keluarga dan persediaan rumah tangga yang dijalankan oleh BKNK. Penglibatan responden adalah secara sukarela. Maklumat demografi asas responden direkodkan untuk tujuan konteks penerangan dapatan kajian.

### INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian berbentuk soal selidik berskala Likert lima mata (1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju). Item-item soal selidik disusun mengikut beberapa dimensi utama program, iaitu: Kandungan program, Pelaksanaan program, Kompetensi dan profesionalisme fasilitator/penceramah dan Impak program terhadap peserta (contohnya kefahaman tentang tanggungjawab kekeluargaan, kemahiran komunikasi suami isteri, serta kesediaan membina keluarga yang harmoni).

## KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Tahap kebolehpercayaan (reliability) instrumen telah dinilai menggunakan pekali Cronbach's Alpha bagi setiap dimensi. Nilai Cronbach's Alpha yang diperoleh berada dalam julat tinggi ( $\alpha \approx 0.887$  hingga 0.962), menunjukkan konsistensi dalaman instrumen adalah memuaskan dan item-item yang digunakan adalah stabil untuk tujuan pengukuran keberkesanan program.

## PERTIMBANGAN ETIKA

Kajian ini melibatkan peserta program anjuran BKNK yang mengambil bahagian secara sukarela. Sebelum pengumpulan data, responden diberikan penerangan mengenai tujuan kajian, hak mereka untuk tidak menjawab mana-mana soalan yang dirasakan sensitif, serta jaminan bahawa maklumat yang diberikan adalah sulit dan hanya akan dianalisis secara agregat tanpa mendedahkan identiti individu. Persetujuan (*informed consent*) diperoleh daripada semua responden sebelum borang soal selidik diedarkan. Data yang dikumpulkan disimpan secara sulit dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan bagi menilai keberkesanan program keluarga berlandaskan nilai Islam yang dijalankan oleh BKNK.

## ANALISIS DATA

JADUAL 2. Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi penilaian program BKNK

Bil	Pemboleh ubah	Bilangan Item	Nilai Alpha Cronbach
1.	Penilaian program	5	$\alpha=0.895$
2.	Pelaksanaan program	5	$\alpha=0.887$
3.	Tenaga fasilitator	4	$\alpha=0.953$
4.	Impak Program	12	$\alpha=0.962$

Sumber: Hasil analisis menggunakan kaedah perisian SPSS

## ANALISIS TABURAN DEMOGRAFI RESPONDEN

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 26 dalam bentuk statistik deskriptif. Skor min dan sisihan piawai dikira bagi setiap dimensi (kandungan program, pelaksanaan program, kompetensi fasilitator, dan impak program terhadap peserta) untuk menentukan tahap persepsi peserta terhadap keberkesanan keseluruhan program. Nilai min ini kemudiannya ditafsirkan menggunakan kategori tahap (contohnya tinggi, sederhana tinggi, sederhana) bagi menggambarkan sejauh mana program dianggap relevan, difahami, bermanfaat dan berkesan dalam menyokong kesejahteraan kekeluargaan menurut perspektif peserta.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

### KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Jadual 2 menunjukkan kebolehpercayaan elemen bagi penilaian program dalam nilai Alpha Cronbach yang mengukur kekonsistenan dalaman pemboleh ubah. Mengikut Babbie (1992), nilai Alpha Cronbach diklasifikasikan berdasarkan klasifikasi indeks kebolehpercayaan dimana nilai 0.90-1.00 adalah sangat tinggi, 0.30-0.69 adalah sederhana dan 0.00-0.30 adalah rendah. Hasil analisis menunjukkan nilai Alpha Cronbach pada klasifikasi tinggi dan sangat tinggi iaitu melebihi 0.88. Instrumen kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi mengikut klasifikasi Babbie (1992).

Kajian ini adalah melibatkan seramai 270 responden, dengan golongan wanita mendominasi sebanyak 67.8% berbanding lelaki 32.2%, menunjukkan kecenderungan golongan wanita lebih aktif menyertai

program pembangunan institusi rumah tangga. Dalam aspek umur, majoriti berada dalam kelompok umur 26-35 tahun (47.7%), diikuti oleh 18-21 tahun (24.4%) dan 22-25 tahun (21.1%), dapatan ini mencerminkan golongan dewasa muda yang sedang melalui fasa transisi penting kehidupan seperti pembangunan kerjaya dan perkahwinan. Keadaan ini sejajar dengan tren global yang menunjukkan penundaan perkahwinan dalam kalangan dewasa muda akibat faktor Pembangunan diri, kestabilan kerjaya dan kesiapsiagaan berkeluarga (Tan et al., 2021; Adzmel Mahmud, 2024).

Majoriti responden dalam kajian ini memiliki tahap pendidikan yang tinggi, dengan 33.7% mempunyai ijazah Sarjana Muda, 23.7% masing-masing di peringkat O Level / HND dan Diploma, 10.4% di peringkat Sarjana, dan 1.1% di peringkat Doktor Falsafah. Dapatan ini mencerminkan peningkatan tahap pendidikan dalam kalangan generasi Melayu yang beragama Islam di negara Brunei, ini juga menunjukkan minat dan kesedaran tinggi terhadap pembangunan diri dan dalam institusi keluarga. Responden dengan latar belakang pendidikan yang kukuh dijangka akan lebih mudah menerima dan mengaplikasikan ilmu dalam program pembangunan institusi rumah tangga secara efektif. Dapatan ini selaras dengan tren global dan kajian terdahulu yang menekankan penundaan perkahwinan dan tumpuan terhadap pembangunan modal insan dalam kalangan generasi muda (Tan et al., 2021).

Majoriti responden adalah berstatus bujang (53.3%), diikuti oleh yang berkahwin (45.6%) dan janda/duda (1.1%), mencerminkan dominasi peserta program pra perkahwinan yang kebanyakannya masih bujang ketika penyertaan. Ini disebabkan program yang dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) lebih menumpukan kepada pelajar menengah atas dan peringkat universiti, ini

adalah selaras dengan matlamat negara yang menginginkan untuk memperkasa golongan belia sebagai pewaris kepimpinan (Hanni, 2023). Selain itu, penyertaan janda / duda dalam program pasca perkahwinan menunjukkan komitmen pihak berkuasa terhadap sokongan inklusif bagi membantu golongan ini dalam menghadapi cabaran seperti kehilangan pasangan dan kesukaran ekonomi. Pendekatan ini menegaskan pentingnya sokongan berterusan bagi memastikan kesejahteraan dan kestabilan institusi kekeluargaan dalam masyarakat.

Dari segi tanggungan, majoriti responden dalam kajian ini tidak mempunyai sebarang tanggungan, dengan peratusan sebanyak 73.0%. Responden yang mempunyai satu tanggungan merangkumi 12.6%, manakala mereka yang memiliki dua hingga empat tanggungan berjumlah 14.4%. Perincian lanjut menunjukkan bahawa 6.3% responden mempunyai dua tanggungan, 4.4% mempunyai tiga tanggungan, dan 3.7% mempunyai lebih daripada empat tanggungan. Dapatan ini mencerminkan fasa hidup majoriti responden yang masih berada dalam tempoh awal pembentukan institusi keluarga atau sedang memberi tumpuan kepada pembangunan peribadi sebelum mengambil tanggungjawab kewangan dan sosial yang lebih besar. Fenomena ini sejajar dengan pola kehidupan generasi muda pada masa kini yang cenderung untuk menangguhkan pengambilan tanggungjawab besar seperti membesarkan keluarga, demi memberi ruang kepada pembangunan diri dan kestabilan sebelum menceburi tanggungjawab keluarga yang lebih kompleks.

Seterusnya, dalam aspek tempoh perkahwinan, majoriti responden (81.5%) berada dalam tempoh perkahwinan 0-2 tahun, menandakan dominasi pasangan muda yang masih dalam fasa penyesuaian awal. Responden dengan tempoh perkahwinan lebih panjang kurang

diwakili, yang mana berpotensi membatasi pemahaman terhadap isu rumah tangga bagi jangka masa yang panjang. Namun, fokus kajian adalah pada pasangan baru adalah signifikan kerana mereka paling memerlukan sokongan dan intervensi untuk memperkukuhkan institusi perkahwinan dalam fasa kritikal. Seterusnya, majoriti responden (63.3%) telah menghadiri Kursus Pra Nikah yang mana merupakan syarat wajib pendaftaran perkahwinan di Brunei, diikuti oleh 22.2% menghadiri

Taklimat “Keluargaku Harapanku” dan 15.6% dalam khidmat nasihat keluarga. Penyertaan dalam Kursus Pasca Perkahwinan agak rendah (7.4%), menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh promosi, aksesibiliti, dan keberkesanan program pasca perkahwinan. Program ini adalah penting bagi membantu pasangan bagi mengatasi cabaran selepas memulakan kehidupan berumah tangga.

JADUAL 3. Taburan Demografi Responden

Elemen	Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	87	32.2
	Perempuan	183	67.8
Umur	18-21 tahun	66	24.4
	22-25 tahun	57	21.1
	26-35 tahun	128	47.4
	36 tahun dan ke atas	19	7.0
Tahap Pendidikan Peserta	Sijil Rendah Pelajaran	2	0.7
	O Level	64	23.7
	A Level	18	6.7
	Sarjana Muda	91	33.7
	Sarjana	28	10.4
	Doktor Falsafah	3	1.1
Status Taraf Kelamin	Bujang	144	53.3
	Berkahwin	123	45.6
Jumlah Tanggungan	Janda / Duda	3	1.1
	Tiada	197	73.0
	Satu	34	12.6
	Dua	17	6.3
	Tiga	12	4.4
Tempoh Perkahwinan	Empat dan ke atas	10	3.7
	0-2 tahun	220	81.5
	3-5 tahun	10	3.7
	6-10 tahun	23	8.5
	11-15 tahun	2	0.7
	16-20 tahun	3	1.1
Program yang disertai	20 tahun ke atas	12	4.4
	Kursus Pra Nikah	171	63.3
	Kursus Pasca Perkahwinan	20	7.4
	Khidmat Nasihat Keluarga	42	15.6
	Taklimat “Keluargaku Harapanku	60	22.2

#### ANALISIS DAN PERBINCANGAN DAPATAN DATA PENILAIAN TERHADAP PROGRAM BKNK

Persepsi peserta bagi kajian ini dianalisis menggunakan nilai Min daripada skala Likert (sangat tidak setuju hingga sangat

setuju). Nilai Min ini digunakan sebagai asas untuk menilai tahap persetujuan secara objektif dan sistematik. Kajian ini merujuk kepada pendekatan Nunnally dan Bernstein (1994) dalam mentafsir skor Min bagi menentukan tahap persetujuan peserta,

seperti yang dipaparkan dalam jadual berikut.

JADUAL 4. Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi Tahap
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Berdasarkan Jadual 5, skor Min bagi keseluruhan konstruk penilaian program adalah tinggi (Min=4.38, SP=0.71), menunjukkan persetujuan yang kuat dari peserta terhadap keberkesanan dan relevansi program. Item “pengisian yang bersesuaian” mencatatkan skor tertinggi (Min=4.45, SP=0.79), ini menandakan kandungan program yang relevan adalah penting bagi kejayaan pelaksanaan program. Diikuti oleh “objektif program tercapai” (Min=4.39, SP=0.82) dan “penyampaian yang baik dan berkesan” (Min=4.31, SP=0.86), yang menegaskan peranan penting bagi aspek tersebut dalam memberi impak yang positif kepada peserta. Skor untuk “penggunaan kemudahan yang berkesan” adalah sedikit rendah (Min=4.23, SP=0.92), menunjukkan keperluan penambahbaikan fasiliti bagi menyokong pelaksanaan yang optimum. Kemudahan dan persekitaran program yang kondusif didapati mempengaruhi pengalaman serta kepuasan peserta

terhadap sesuatu program. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian Raja Abdullah et. Al. (2025) yang mendapati bahawa aspek sokongan pelaksanaan dan pengalaman pembelajaran memberi kesan terhadap kepuasan peserta dalam program pembangunan pendidikan dan komuniti. Namun, skor Min bagi item “program ini diperlukan di masa akan datang” dilihat sedikit rendah dengan skor Min (Min=4.18, SP=0.89), maka penilaian peserta terhadap program sebegini perlu diteruskan, kerana ia akan mencerminkan kepentingan dan potensi program BKNK sebagai satu inisiatif program berbentuk jangka panjang. Dapatan ini adalah selaras dengan teori dan kajian terdahulu yang menekankan kandungan relevan, objektif jelas, penyampaian efektif, dan fasiliti yang menyokong sebagai faktor utama keberhasilan program sosial dan pembangunan komuniti (Musthapar et al., 2025; Rahman, 2025).

JADUAL 5. Penilaian Program

Penilaian Program				
Bil. Item	Item Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
1.	Objektif program ini tercapai	4.39	0.82	Tinggi
2.	Pengisian program bersesuaian	4.45	0.79	
3.	Penyampaian yang baik dan berkesan	4.31	0.86	
4.	Penggunaan kemudahan yang berkesan	4.23	0.92	
5.	Program ini diperlukan di masa akan datang	4.18	0.89	
	Purata Skor	4.38	0.71	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan bahawa persepsi peserta terhadap pelaksanaan program-program BKNK adalah sangat positif, dengan skor Min keseluruhan berada pada

tahap tinggi, iaitu 4.29 dan sisihan piawai 0.75. Faktor utama yang mendorong kepuasan peserta adalah kerana ‘perancangan program berlangsung dengan

lancar', yang memperoleh skor Min tertinggi sebanyak (Min=4.45, SP=0.75). Selain itu, 'nisbah peserta yang sesuai' (Min=4.33, SP=0.88) dan 'suasana program yang kondusif' (Min=4.32, SP=0.86) menunjukkan bahawa elemen-elemen ini menjadi komponen penting dalam memastikan pengalaman peserta yang positif dan keberkesanan program. Seterusnya, 'masa yang diperuntukkan' (Min=4.20, SP=0.98) juga menunjukkan pengurusan masa yang baik, walaupun ia mencatat skor yang sedikit lebih rendah berbanding faktor lain. Walau bagaimanapun, skor Min terendah adalah berkaitan dengan 'kesesuaian tempat program' (Min=4.18, SP=0.89), menunjukkan bahawa lokasi atau fasiliti program masih mempunyai ruang untuk

penambahbaikan bagi meningkatkan keselesaan dan keberkesanan pelaksanaan. Dapatan ini selaras dengan kajian Urganci et al. (2024) yang mendapati bahawa struktur pelaksanaan program, suasana pembelajaran yang kondusif serta pengalaman peserta semasa mengikuti program hubungan dan perkahwinan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penglibatan dan kepuasan peserta terhadap program. Dengan itu, perhatian khusus perlu diberikan terhadap pemilihan tempat dan kemudahan untuk memastikan program boleh disampaikan secara optimum dan memberikan pengalaman yang kondusif kepada peserta.

JADUAL 6. Pelaksanaan Program

Pelaksanaan Program				
Bil. Item	Item Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
1.	Suasana yang kondusif (keadaan yang selesa)	4.32	0.86	Tinggi
2.	Perancangan program berlangsung dengan lancar	4.45	0.75	
3.	Masa yang diperuntukkan bagi setiap sesi adalah sesuai	4.20	0.98	
4.	Nisbah peserta (bilangan peserta) adalah sesuai	4.33	0.88	
5.	Tempat yang disediakan sesuai	4.18	0.89	
	Purata Skor	4.29	0.75	Tinggi

Jadual 7 menunjukkan bahawa keseluruhan aspek penyampaian berada pada tahap tinggi. Item "maklumat yang disampaikan sangat jelas" mencatatkan skor min tertinggi (Min=4.47, SP=0.79), menunjukkan peserta mempunyai tahap kefahaman yang baik terhadap kursus. Item "penyampaian mudah difahami" (Min=4.44, SP=0.78) dan "fasilitator berinteraksi dan bersoal jawab bersama peserta dengan baik" (Min=4.42, SP=0.81) juga mencatatkan skor tinggi, menandakan keberkesanan fasilitator yang dipilih dalam menyampaikan kandungan secara jelas serta mewujudkan interaksi dua hala yang positif. Walaupun item "cara penyampaian tersusun dan teratur" memperoleh skor min sedikit rendah (Min=4.39, SP=0.82), ia

masih berada dalam kategori yang tinggi, membuktikan penyampaian fasilitator dianggap sistematik oleh majoriti peserta. Purata keseluruhan penilaian mencatatkan skor min 4.43 dengan sisihan piawai 0.75, menegaskan tenaga fasilitator dinilai sebagai berkesan dalam melaksanakan peranan mereka. Sisihan piawai yang rendah bagi semua item (0.75-0.82) menunjukkan tahap konsistensi persepsi responden yang baik. Secara kritikal, dapatan ini menegaskan peranan fasilitator sebagai faktor utama penyumbang keberkesanan kursus, khususnya dalam memastikan modul penyampaian difahami dengan jelas, disampaikan secara teratur, serta disokong oleh interaksi kondusif di antara peserta dan penceramah.

JADUAL 7. Penilaian Tenaga Fasilitator

Penilaian Tenaga Fasilitator				
Bil. Item	Item Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
1.	Penyampaian mudah difahami	4.44	0.78	Tinggi
2.	Cara penyampaian tersusun dan teratur	4.39	0.82	
3.	Maklumat yang disampaikan adalah sangat jelas	4.47	0.79	
4.	Fasilitator berinteraksi dan bersoal jawab Bersama peserta dengan baik	4.42	0.81	
	Purata Skor	4.43	0.75	Tinggi

Berdasarkan jadual 8, skor Min secara keseluruhan persepsi peserta terhadap impak pelaksanaan program BKNK ialah 4.39 dengan sisihan piawai 0.71, yang menunjukkan tahap penilaian adalah tinggi. Nilai ini menggambarkan bahawa majoriti peserta bersetuju bahawa program yang dilaksanakan memberi kesan positif dan bermanfaat. Antara item yang mencatatkan skor tertinggi ialah “berbaloi untuk dihadiri di masa akan datang” (Min=4.52, SP=0.75), dan “memberi manfaat” (Min=4.48, SP=0.77). Dapatan ini jelas menunjukkan peserta melihat program yang dijalankan sebagai satu usaha yang bernilai serta memberi peluang yang berkesan dari segi ilmu dan pengalaman. Selain itu, beberapa item lain juga mencapai skor yang tinggi, antaranya “pemahaman semakin meningkat” (Min=4.44, SP=0.80), “menghidupkan peranan BKNK sebagai pusat bimbingan dan kesejahteraan keluarga” (Min=4.44, SP=0.79), serta “memberikan inspirasi” (Min=4.43, SP= 0.82). Kesemua dapatan ini menegaskan bahawa program BKNK bukan sahaja menambah baik kefahaman peserta, bahkan berjaya meningkatkan motivasi serta relevan dengan pengetahuan sedia ada (Min=4.41, SP=0.78).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa item yang memperoleh skor Min sedikit lebih rendah, walaupun masih berada pada tahap tinggi. Antaranya ialah “mengeratkan silaturrahim antara peserta” (Min=4.17, SP=0.96), “minat semakin bertambah” (Min=4.19, SP=0.94), dan “meningkatkan keazamaan” (Min=4.23, SP=0.95). Skor sisihan piawai yang lebih besar bagi item-item ini juga menunjukkan terdapat perbezaan pendapat yang ketara dalam kalangan peserta. Justeru, aspek hubungan sosial dan motivasi jangka panjang wajar diberikan penekanan dalam reka bentuk program yang akan datang. Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa program BKNK telah memberi impak yang signifikan terhadap peserta, khususnya dari segi kefahaman, motivasi, dan penghayatan nilai. Namun, bagi memperkukuh lagi keberkesanan, aspek silaturrahim sesama peserta serta minat peserta untuk mengikuti program seterusnya perlu diberikan perhatian agar program ini dapat memberi kesan yang lebih holistik kepada komuniti.

JADUAL 8. Penilaian Impak Program Terhadap Peserta

Penilaian Impak Program Terhadap Peserta				
Bil. Item	Item Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
1.	Pemahaman semakin meningkat	4.44	0.80	Tinggi
2.	Minat semakin bertambah	4.19	0.94	
3.	Mengubah sikap menjadi positif	4.39	0.82	

4.	Memberikan inspirasi	4.43	0.82	
5.	Pengisian bersesuaian dengan pengetahuan sedia ada	4.41	0.78	
6.	Menghidupkan peranan BKNK sebagai pusat bimbingan dan kesejahteraan keluarga	4.44	0.79	
7.	Mengeratkan silaturrahim antara peserta	4.17	0.96	
8.	Memberi manfaat	4.48	0.77	
9.	Berbaloi untuk dihadiri di masa akan datang	4.52	0.75	
10.	Meningkatkan keazamaan	4.23	0.95	
11.	Menyarankan individu lain untuk mengikuti program di bawah BKNK	4.39	0.82	
12.	Membantu mengurangkan masalah rumah tangga dalam kalangan masyarakat Brunei	4.44	0.79	
	Purata Skor	4.39	0.71	Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa program BKNK menerima penilaian positif daripada peserta, dengan skor min keseluruhan yang konsisten tinggi iaitu antara 4.29 hingga 4.43 dan sisihan piawai yang sederhana rendah (0.71–0.75). Hasil deskriptif ini mencerminkan bahawa peserta menilai program anjuran Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) pada tahap yang tinggi dari pelbagai aspek utama. Skor min bagi dimensi kandungan program menunjukkan bahawa topik-topik yang dibincangkan dianggap jelas, relevan, dan berkait rapat dengan keperluan sebenar kehidupan berkeluarga. Peserta melaporkan bahawa isi kandungan yang disampaikan bukan sekadar teori umum, tetapi juga membantu menjelaskan peranan serta tanggungjawab dalam rumah tangga, selain memberikan panduan praktikal yang boleh diamalkan. Keberhasilan ini menunjukkan bahawa program BKNK berjaya menghubungkan nilai dan prinsip keluarga Islam dengan cabaran semasa yang dihadapi oleh pasangan dan bakal pasangan. Dapatan ini selari dengan kajian Musthaphar et al. (2025) yang mendapati bahawa kandungan modul pasca perkahwinan Islam yang relevan, praktikal dan dekat dengan realiti kehidupan pasangan mampu meningkatkan kefahaman, penerimaan serta keberkesanan program dalam kalangan peserta. Walau bagaimanapun, aspek strategi

keberlanjutan atau kesinambungan mencatat skor terendah (Min = 4.18, SP = 0.89), menandakan keperluan untuk penambahbaikan bagi memastikan pengalaman peserta menjadi lebih menyeluruh dan berkesan.

Tahap min yang tinggi dalam dimensi pelaksanaan program pula menggambarkan bahawa susunan aktiviti, kaedah penyampaian dan perjalanan sesi dianggap teratur dan berkesan oleh peserta. Walaupun terdapat beberapa isu praktikal seperti kekangan masa, tempoh program, atau keperluan suasana yang lebih kondusif seperti ruang yang selesa dan privasi semasa perbincangan isu rumah tangga, peserta secara umumnya merasakan struktur program masih membantu mereka menumpukan perhatian dan memahami mesej utama. Ini menunjukkan bahawa dari sudut teknikal, pengurusan program berada pada landasan yang betul tetapi berpotensi diperkemas lagi dari segi penyediaan masa, fasiliti fizikal, dan susunan modul supaya pengalaman pembelajaran lebih optimum. Hal ini sejajar dengan penemuan Gilberto et al. (2025) yang mendapati bahawa pengurusan masa yang kurang efektif boleh mempengaruhi fokus dan prestasi pembelajaran. Oleh itu, penambahbaikan terhadap fleksibiliti jadual serta penyediaan kemudahan lokasi yang lebih kondusif amat diperlukan untuk memastikan

pelaksanaan program pada masa depan lebih berkesan dan holistik. Dapatan ini turut menyokong pandangan Tinto (2012) yang menegaskan bahawa persekitaran pembelajaran yang kondusif serta interaksi sosial yang seimbang memainkan peranan penting dalam menentukan keberhasilan pengalaman peserta.

Seterusnya dimensi kompetensi fasilitator mendapat penilaian yang positif. Skor min yang tinggi dalam aspek ini menunjukkan bahawa peserta melihat fasilitator sebagai berpengetahuan, berautoriti dan mampu menerangkan isu-isu sensitif rumah tangga secara berhemah. Peserta juga menilai bahawa fasilitator boleh membimbing, menjawab soalan, dan mengaitkan nasihat dengan nilai agama serta realiti kehidupan rumah tangga. Ini penting kerana kredibiliti fasilitator sering menjadi faktor penentu sama ada peserta benar-benar menerima dan mengamalkan nasihat yang diberikan. Ini sejajar dengan kajian Knowles (1984) mengenai *Adult Learning Theory (Andragogy)*, yang menegaskan bahawa keberkesanan pembelajaran orang dewasa bergantung kepada penyampaian yang jelas, praktikal dan mudah difahami. Selain itu, kajian Hamid Mohamad @ Asanar et al. (2021) turut menunjukkan bahawa komunikasi interpersonal yang berhemah, empati dan pendekatan bimbingan yang sesuai memainkan peranan penting dalam membantu pasangan mengurus konflik rumah tangga serta meningkatkan penerimaan terhadap nasihat dan panduan yang diberikan. Dapatan ini mencadangkan bahawa pemilihan dan latihan fasilitator adalah salah satu kekuatan utama BKNK dan perlu dikekalkan sebagai tiang kepada intervensi keluarga Islam.

Walau bagaimanapun, aspek keteraturan dalam penyampaian masih mencatat skor yang lebih rendah berbanding dengan item lain. Penemuan ini konsisten dengan penekanan dalam kajian Biggs dan Tang (2011) bahawa struktur

penyampaian yang sistematik merupakan elemen kritikal dalam memastikan keberkesanan pembelajaran. Kajian oleh Rahman (2020) juga mengesahkan bahawa kekurangan konsistensi dalam gaya penyampaian akan dapat menjejaskan keberkesanan program latihan komuniti. Kesemua dapatan ini mengukuhkan lagi pandangan bahawa fasilitator merupakan faktor kritikal dalam kejayaan sesuatu program, selari dengan literatur sedia ada.

Akhirnya, dimensi impak program terhadap peserta juga menunjukkan skor purata yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa selepas mengikuti sesi, ramai peserta berasa lebih jelas tentang peranan masing-masing dalam keluarga, lebih sedar tentang kepentingan komunikasi yang baik antara suami isteri, dan lebih bersedia untuk mengurus konflik secara matang. Peserta turut melaporkan peningkatan kesediaan untuk mengamalkan nilai sakinah, mawaddah dan rahmah dalam keluarga, iaitu nilai kasih sayang, ketenangan dan belas ihsan yang menjadi asas pembinaan keluarga Islam yang stabil. Dengan kata lain, program ini bukan hanya memberi maklumat, tetapi juga membina sikap dan niat perubahan tingkah laku. Namun, elemen sosial dan jaringan hubungan antara peserta masih memerlukan penambahbaikan.

Secara ringkas, dapatan deskriptif kajian ini menunjukkan bahawa program BKNK telah memenuhi tiga peranan utama, iaitu: (i) memberi kefahaman terhadap nilai dan tanggungjawab kekeluargaan Islam secara aplikatif, (ii) menyediakan ruang bimbingan yang dipercayai dan selamat untuk membincangkan isu-isu rumah tangga yang sebenar, serta (iii) membina keyakinan peserta dalam memperbaiki komunikasi dan kerjasama dalam konteks rumah tangga. Dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa intervensi yang dikendalikan oleh BKNK bukan sahaja relevan pada peringkat pencegahan, khususnya dalam persediaan menghadapi konflik, tetapi juga

penting sebagai sokongan berterusan bagi keluarga yang sedang menghadapi cabaran. Dalam konteks yang lebih luas, konflik keluarga yang berpanjangan boleh menyebabkan tekanan emosi dan kesukaran dalam hubungan antara ahli keluarga (Northey et al., 2025). Untuk memastikan keberkesanan yang lebih holistik, pihak penganjur disarankan untuk memperbaiki kemudahan program, memperkukuh strategi penglibatan sosial seperti aktiviti berkumpulan, serta menyediakan mekanisme susulan bagi mengekalkan minat dan motivasi peserta. Kejayaan sesebuah program sosial atau pendidikan bergantung kepada keseimbangan antara kualiti kandungan, keberkesanan fasilitator, sokongan kemudahan fizikal, dan pengukuhan jaringan sosial. Pendekatan ini sejajar dengan teori pembangunan komuniti yang menekankan penglibatan aktif masyarakat dalam proses pembangunan demi mencapai impak jangka panjang yang berterusan (Leontiev, 1981). Inisiatif komuniti yang melibatkan interaksi sosial berterusan, penyediaan kemudahan dan sokongan kondusif, serta mekanisme susulan merupakan faktor utama dalam mengekalkan motivasi dan kesinambungan penglibatan peserta.

## KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa program-program anjuran Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK) telah mencapai tahap keberkesanan yang tinggi dari perspektif peserta. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dimensi utama yang diukur iaitu kandungan program, pelaksanaan, fasilitator, dan impak semuanya berada pada tahap positif dengan purata skor yang konsisten tinggi. Hal ini menandakan bahawa usaha BKNK dalam menyediakan kursus pra-nikah, pasca-perkahwinan, sesi kaunseling, serta program kesedaran masyarakat berjaya memberi manfaat dalam meningkatkan pengetahuan, kefahaman, sikap positif, dan motivasi peserta.

Namun demikian, kajian turut mengenal pasti aspek yang memerlukan penambahbaikan, khususnya dari segi kesinambungan strategi, pengurusan masa, kesesuaian fasiliti, serta pengukuhan hubungan sosial dan minat jangka panjang peserta. Aspek-aspek ini penting untuk memastikan program bukan sahaja memberi impak jangka pendek tetapi juga mampu mengekalkan kesan positif dalam jangka masa panjang terhadap kesejahteraan keluarga.

Oleh itu, disarankan agar BKNK memperkukuh modul pengisian program dengan pendekatan yang mengintegrasikan teknologi digital, menyediakan fasiliti yang lebih kondusif, serta mewujudkan mekanisme susulan seperti sesi “booster” atau pemantauan berkala. Pendekatan ini akan membantu memastikan program kekal relevan dengan cabaran semasa, lebih inklusif, serta berkesan dalam menyokong pembinaan keluarga sakinah, mawaddah dan rahmah di Negara Brunei Darussalam. Hal ini konsisten dengan trend global yang menekankan intervensi awal, pendidikan hubungan, dan sokongan komuniti sebagai strategi memperkukuh institusi keluarga masa kini (Urganci et al., 2024; Kamarusdiana et al., 2022).

## PENGHARGAAN

Penyempurnaan artikel ini adalah hasil kerjasama erat dengan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK). Penghargaan yang tidak berkesudahan diberikan kepada Dr. Haji Azme bin Matali selaku penyelia kajian akademik yang telah memberikan bimbingan dan sokongan berterusan.

## PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Pengkaji-pengkaji mengesahkan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam kajian ini.

## SUMBANGAN PENKAKAJI

Pengkaji menyumbang sepenuhnya kepada penyediaan versi akhir artikel ini dan meluluskan penyerahannya untuk penerbitan.

## RUJUKAN

- Adzmel Mahmuda, N. A. I., Rohana Jania, Z. S., Sofia Md Yusop, & Muhammad Faizal Kamar. (2024). Perancangan Keluarga Menurut Islam dan Amalan dalam Kalangan Wanita Umur Reproduksi di Malaysia. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 11(3), 59-73. <https://doi.org/10.11113/umran2024.11n3.750>
- Babbie, E. (1992). *The Practice of Social Research*. California: Wardsworth Publishing Company
- Biggs, J., & Tang, C. (2011). *Teaching for quality learning at university* (4th ed.). Open University Press
- Charoenwong, W. (2025). Islamic Premarital Education in Malaysia Through the Lens of Moral Education. *Asia-Pacific Social Science Review*, 25(2), 39-59. <https://doi.org/10.59588/2350-8329.1569>
- Dehghanidowlatabadi, S., Pallathadka, H., Ismail, S. M., Abdullaev, D., Ibrahim, F. M., & Prasad, K. (2025). Moderating Effect of Interpersonal Mindfulness Between Marital Conflict and Marital Intimacy Among Iranian Married Individuals. *Brain and Behavior*, 15(3), e70392. <https://doi.org/10.1002/brb3.70392>
- Department of Economic Planning and Statistics (DEPS). (2023). *Vital Statistics Report 2022: Marriages and Divorces in Brunei Darussalam*. Prime Minister's Office.
- Fateminejad, E., Hasanvand, M. B., & Ahmadi, K. (2024). The Effectiveness of Emotion-Focused Islamic Couple Therapy on Improving Incompatible Attachment Styles of Couples. *EIJH*, 31(3), 92-112. <http://ejh.modares.ac.ir/article-27-73319-en.html>
- Gilberto Oroz Galaviz, L. A. Z., Celia Yaneth Quiroz Campas, C. G. L., & Gilberto Bermúdez Ruiz. (2025). Impact of Time Management on Academic Performance. *Journal of Information Systems Engineering and Management*, 10(21S), Article 3289. <https://doi.org/10.52783/jisem.v10i21s.3289>
- Haji Ismadi, N., Mat Hussin, M., & Abdullah, R. (2019). An Analysis of Religious Authorities' Perception on Issue of Kufu in Malays' Marriage of Brunei Darussalam. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 124-143. <http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/1951>
- Hamid Mohamad @Asanar et al. (2021). Pencetus Utama Konflik Perkahwinan Sepanjang Fasa Pertama Perkahwinan dalam Kalangan Pasangan Muda: Kajian Kes Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 14, 64-68
- Hanifah, M., & Daud, M. N. (2021). Problem Overview about Family Financial Discussion on Pre-Marriage Course Module in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4), 534-541.
- Hanni, N., Matali, A. (2023). Factors Contributing to Marriage and Relationship Breakdown in Brunei Darussalam: A Statistical Study and Analysis. *Asian People Journal*, 6(1), 93-110.

- <http://dx.doi.org/10.37231/apj.2023.6.1.401>
- Hashim, R., & Salleh, M. (2022). Family Resilience and Community Health: An Islamic Perspective. *Journal of Religion and Health*, 61(4), 2873–2887. <https://doi.org/10.1007/s10943-021-01367-4>
- Hayati, E. Z., & Arwani, M. K. (2025). Family Financial Management in Contemporary Premarital Guidance from the Perspective of Maqashid al-Shari'ah. *USRATY: Journal of Islamic Family Law*, 3(2), 176–187. <https://doi.org/10.30983/usraty.v3i2.10417>
- Irman, Syahniar, Karneli, & Ifdil. (2021). The Effectiveness of Islamic Premarriage Counseling to Readiness for Household Life. *Alfuad: Jurnal Sosial Keagamaan*, 5(2), 96-111.
- Kamarusdiana, K., Yusuf, B., Hakim, M. R., & Dahri, H. (2022). Pre-marital education: Concepts and regulations in Indonesia and Malaysia. *al-Ahkam*, 32(1), 41–64. <https://doi.org/10.21580/ahkam.2022.32.1.10709>
- Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). (2023). *Annual Report of Family Counseling and Education Programs*. Bandar Seri Begawan: Ministry of Religious Affairs.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). (2023). *Mengenal Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga*. Diperolehi dari <https://www.mora.gov.bn/SiteCollectionDocuments/BKNK/Mengenal%20BKNK.pdf>
- Khosim, N. (2023). Pembentukan institusi kekeluargaan menerusi penerapan nilai Amanah berteraskan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 245 –255.
- Knowles, M. S. (1984). *Andragogy in action: Applying modern principles of adult learning*. Jossey-Bass
- Kulak, J. A., Heavey, S. C., Marsack, L. F., & Leonard, K. E. (2025). Alcohol Misuse, Marital Functioning and Marital Instability: An Evidence-Based Review on Intimate Partner Violence, Marital Satisfaction and Divorce. *Substance Abuse and Rehabilitation*, 16, 39–53. <https://doi.org/10.2147/SAR.S462382>
- Lebow, J., & Snyder, D. K. (2022). Couple Therapy in the 2020s: Current Status and Emerging Developments. *Family Process*, 61(4), 1359–1385. <https://doi.org/10.1111/famp.12824>
- Leontiev, A. N. (1981). *Problems of the Development of The Mind*. Progress Publishers.
- Musthapar, N. F., Ahmad, B., & Muwazir, M. R. (2025). Analisis Keberkesanan Kursus Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam Terhadap Perhubungan Suami Isteri di Negeri Selangor: The Effectiveness of The Integrated Post-Marriage Islamic Module Course on Husband-Wife Relationships. (2025). *Jurnal Pengajian Islam*, 18(1), 97-122. <https://doi.org/10.53840/jpi.v18i1.326>
- Muttaqin, M. Z., Izzi, A. I., Nazar, R. F., Arifin, S. W. T., & Sandra, M. Y. (2026). *Family Harmony in Contemporary Islamic Law: Ibn 'Ashūr's Maqāṣid Perspective on Marital Rights and Duties*. *MILRev: Metro Islamic Law Review*, 5(1), 61–79.
- Northey, W. F., Chang, J., & Guyette, E. (2026). Introduction to the Special Issue on Working with High-Conflict Families in Custody Contexts: A Call to Action. *Journal of Marital and Family*

- Therapy*, 52(1), e70087.  
<https://doi.org/10.1111/jmft.70087>
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill.
- Rahman, N. A. (2020). Kesinambungan dan keberkesanan gaya penyampaian dalam program latihan komuniti. *Prosiding Seminar Pendidikan*, 13(3), 45-57
- Rahman, M. S. (2025). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum: Satu Sorotan* (Tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raja Abdullah, R. N., Mohd Rosdi @ Mohd Rodhi, S. A., Mohd Noor, M. A., Md Latip, N. A., Sabri, S. S., & Rachmawati, R. (2025). Meneroka Impak Program Diploma Keusahawanan Pelita Suluh Budiman terhadap Kepuasan Pembelajaran Pelajar Banduan Muda di Penjara Kluang, Johor. *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs*, 7(24), 237–255.  
<https://doi.org/10.35631/AIJBES.724016>
- Sidik, M. S. M., Saper, M. N., & Daud, N. M. (2020). *The Application of Maqasid Shariah Elements in Family and Marriage Counseling*. Dalam *Proceedings of the 1st Progress in Social Science, Humanities and Education Research Symposium (PSSHERS 2019)*, 713–718. Atlantis Press.  
<https://doi.org/10.2991/assehr.k.200824.160>
- Syariah Court of Brunei Darussalam. (2023). *Annual Report 2022*. Bandar Seri Begawan: Attorney General's Chambers.
- Tan C-S, Cheng S-M, Nakayama T and George S (2021) Antecedents of the Attitudes Toward Singlehood Among Young Adults in Malaysia, Japan, and India. *Front. Psychol.* 12:756090. doi: 10.3389/fpsyg.2021.756090
- Tinto, V. (2012). *Completing college: Rethinking institutional action*. University of Chicago Press.
- Todd, E., Pond, R., & Coomber, K. (2025). Client Perspectives of Family Therapy: A Qualitative Systematic Review. *Journal of Marital and Family Therapy*, 51(3), e70024.  
<https://doi.org/10.1111/jmft.70024>
- Urganci, B., Chen, P.-H., & Williamson, H. C. (2024). Many distressed couples seek community-based relationship education but don't benefit from it. *Family Relations*, 73(4), 2510-2526.  
<https://doi.org/10.1111/fare.13015>
- Universiti Pendidikan Sultan Idris. (2024). *Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi* [PDF]. Institut Pengajian Siswazah.  
<https://ips.upsi.edu.my/wp-content/uploads/2024/11/01-Versi-Bahasa-Melayu-Garis-Panduan-Penulisan-Tesis.-latest112024.pdf>
- Yusof, M., & Hamid, A. (2022). Program evaluation in Islamic family education: Measures, outcomes, and challenges. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 11(3), 1227–1236.  
<https://doi.org/10.11591/ijere.v11i3.20220>
- Zulkffli, M. A., Ab Rashid, R., Kamarul Azlan, M. A., & Ismail, H. H. (2022). The Interplay of Infidelity, Sexuality, and Religiosity in the Discourse of Mixed-Orientation Marriages: A Discursive Psychological Analysis. *Frontiers in Psychology*, 13, 784675.  
<https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.784675>